



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN) MENJALANKAN PEMANTAUAN SOP SAMBUTAN DEEPAVALI BAGI UPACARA AGAMA YANG DIJALANKAN DI KUIL-KUIL AGAMA HINDU SEMPENA SAMBUTAN HARI DEEPAVALI

Putrajaya, 14 November 2020 – Hari Pertama Perayaan Deepavali pada tahun ini disambut dalam keadaan norma baharu selari dengan SOP Deepavali di Kuil dan di Rumah Kediaman semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 5 November 2020.

2. Kementerian Perpaduan Negara bersama agensi pelaksana yang lain seperti PDRM dan RELA telah menjalankan pemantauan di Negeri dan Daerah seluruh negara pada hari pertama Deepavali bagi memastikan pematuhan SOP ini. Pegawai-pegawai Perpaduan Negeri dan Daerah telah dilantik sebagai Pegawai Pemantau di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] untuk melakukan pemantauan pematuhan protokol kesihatan pada sambutan Deepavali ini.



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

3. Menurut Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique hasil pemantauan mendapati bahawa kesemua kuil-kuil yang dipantau mematuhi SOP yang telah diluluskan. SOP yang disediakan ini mengambil kira semua aspek keselamatan dan keperluan menjalankan upacara agama sempena sambutan Deepavali ini dan pematuhan amat ditekankan. SOP Deepavali telah menetapkan upacara sembahyang adalah dibenarkan di kuil-kuil dengan kapasiti 30 orang penganut pada satu-satu masa diselang seli dengan kerja-kerja sanitasi selama 30 minit sebelum sesi sembahyang bermula dan selepas sesi sembahyang berakhir. SOP ini juga membenarkan sebanyak lima (5) sesi sembahyang dijalankan oleh setiap kuil bermula dari 7 pagi hingga 12 tengah hari mengikut jadual yang ditetapkan.

4. Hasil pemantauan juga mendapati kuil-kuil turut mempamerkan poster pematuhan SOP dan pembudayaan norma baharu di samping menyediakan poster QR Code dan alat pemeriksa suhu badan.*

5. Kementerian ingin menasihati semua pihak agar mematuhi segala garis panduan atau SOP yang telah ditetapkan dan sentiasa memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, mengelakkan daripada 3C iaitu bersesak, ruang rapat/tertutup dan juga perbualan dalam jarak yang dekat. Elakkan juga bersalaman ataupun berhimpun, sentiasa membasuh tangan atau menggunakan pencuci tangan. Maklumat penuh SOP sambutan Deepavali boleh didapati di laman web MKN.

14 November 2020

-TAMAT-



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

Kementerian Perpaduan Negara

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8241

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 (32)